

02 MAR 1998

DR MAHATHIR RASMI DIALOG PERKONGSIAN BIJAK KEBANGSAAN

KUALA LUMPUR, 2 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr mahathir Mohamad hari ini merasmikan Dialog Perkongsian Bijak Kebangsaan pertama yang antara lain dijangka mencari jalan bagi mengatasi krisis ekonomi dan kewangan yang dihadapi negara kini.

Dr Mahathir memulakan dialog dua hari itu, yang bertemakan Pemulihan Ekonomi Melalui Perkongsian Bijak dengan ucapan utama mengenai "Pendekatan Perkongsian Bijak Kebangsaan untuk Pembangunan Sejak Kemerdekaan."

Beliau dijadualkan mempengerusikan sesi pertama mengenai "Pengukuhan Pemulihan Negara Melalui Perkongsian Bijak - Peranan Sektor Swasta, Buruh dan Kerajaan."

Ahli panel terdiri daripada Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak, Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Zainal Rampak dan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif SungeiWay Group Tan Sri Dr Jeffrey Cheah.

Seramai 300 peserta termasuk menteri Kabinet, pemimpin politik, pegawai tinggi kerajaan, ahli korporat, pemimpin kesatuan sekerja dan wakil bukan kerajaan menghadiri dialog itu.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim dijadualkan mempengerusikan sesi keempat mengenai "Strategi pemulihan - Sumber Manusia, Nilai dan Teknologi", esok.

Dialog itu anjuran bersama antara lain Kumpulan Industri-Kerajaan Bagi Teknologi Tinggi Malaysia (MIGHT) dengan kerjasama Akademi Sains Malaysia, Perkongsian Teknologi dan Pengurusan Komanwel (CPTM), Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS), Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER), Dewan Perniagaan dan Perindustrian Malaysia dan Taman Teknologi Malaysia (TPM).

Pengerusi Jawatankuasa Penganjur Kebangsaan, Tan Sri Dr Omar Abdul Rahman memberitahu sidang media semalam dialog itu diadakan bagi meluaskan konsep perkongsian pintar kepada pemimpin Malaysia selepas berjaya diterima di peringkat antarabangsa melalui Dialog Antarabnagsa Langkawi. --BERNAMA

MT rn NN